



**Untuk Siaran Segera
11 Mac 2026**

PNB PERKUKUH BUDAYA KERJA INKLUSIF MELALUI PROGRAM BUBUR LAMBUK DAN SAMBUTAN HARI WANITA ANTARABANGSA

Kuala Lumpur, 11 Mac 2026 – Permodalan Nasional Berhad (PNB) hari ini menganjurkan dua program yang menekankan nilai kebersamaan serta penghargaan terhadap warga kerjanya, iaitu program penyediaan bubur lambuk dan sambutan Hari Wanita Antarabangsa yang berlangsung pada pagi ini di Merdeka 118.

Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Dato' Abdul Rahman Ahmad, turut menyertai warga kerja PNB dalam program gotong-royong penyediaan bubur lambuk sebagai sebahagian daripada inisiatif memupuk semangat kerjasama serta budaya berkongsi dalam kalangan warga organisasi.

Dalam majlis berasingan, PNB turut meraikan sambutan Hari Wanita Antarabangsa sebagai tanda penghargaan terhadap sumbangan dan peranan penting wanita dalam memacu kecemerlangan organisasi. Sambutan tersebut turut menjadi platform untuk mengiktiraf kepimpinan, dedikasi serta pencapaian warga kerja wanita di PNB.

Kedua-dua program ini mencerminkan komitmen berterusan PNB dalam memupuk persekitaran kerja yang inklusif, menghargai kepelbagaian serta mengukuhkan hubungan sesama warga kerja.

-TAMAT-

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah salah sebuah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Selama lebih empat dekad, kami kekal fokus dalam menyumbang kepada kekayaan Bumiputera dan semua rakyat Malaysia dan berdedikasi untuk memenuhi matlamat kami mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi. Kami komited terhadap kemampanan, amalan bertanggungjawab dan penciptaan masa depan inklusif yang memberi manfaat kepada pihak berkepentingan kami dan komuniti yang disantuni. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnb.com.my.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad

